Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Timbalan Presiden: MCA akan bincang bulan depan

KUALA LUMPUR, Selasa — Jawatankuasa Kerja Pusat MCA akan mengadakan mesyuaratnya bulan depan untuk membincangkan kekosongan jawatan Timbalan Presiden parti itu, kata Pemangku Presiden Kebangsaan parti itu, Datuk Dr Neo Yee Pan.

Katanya, keputusan untuk memilih Timbalan Presiden yang baru akan diserahkan kepada Jawatankuasa itu selaras dengan perlembagaan MCA.

"MCA ialah sebuah parti yang mengamalkan demokrasi dan kami mempunyai sikap terbuka berhubung perkara ini," ujarnya kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Kerja Raya dan Perumahan Queensland, Australia di pejabatnya hari ini.

Jawatan Timbalan Presiden kini kosong kerana beliau dilantik memangku jawatan Presiden Kebangsaan parti berikutan perletakan jawatan Datuk Lee San Choon sebagai Presiden parti yang berkuatkuasa mulai 1 Mei ini. Sebelum ini, Datuk Dr Neo dilantik sebagai Timbalan Presiden selepas Datuk Richard Ho meletakkan jawatannya tahun lalu.

Ramalan

Seorang lagi ahli Jawatankuasa Pusat Kerja, Encik Tan Koon Swan dilantik menjadi Naib Presiden mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Datuk Dr Neo.

Di bawah perlembagaan MCA, Jawatankuasa Kerja Pusat boleh melantik ahli jawatankuasanya untuk memenuhi jawatan yang kosong dalam parti kecuali jawatan Presiden yang akan dipilih oleh para perwakilan dalam pemilihan parti.

Mengenai ramalan salah seorang Naib Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan, akan bertanding merebut jawatan Presiden dalam pemilihan parti tahun depan, Datuk Dr Neo menegaskan, setiap ahli boleh bertanding untuk merebut mana-mana jawatan dalam MCA.

"Kami tidak mengamalkan sistem 'kuku besi' dan menghalang ahli untuk bertanding, tetapi apa yang penting ialah calon itu mesti berupaya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin."

Berhubung dengan rombakan Kabinet yang dijadualkan Jun depan, beliau akan mengemukakan beberapa cadangan dari ahli-ahli MCA untuk perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi segala "perlantikan dan keputusan terserah kepada Perdana Menteri."

Katanya, setakat ini hanya satu jawatan sahaja yang kosong iaitu jawatan Menteri Pengangkutan yang dipegang oleh Datuk Lee sebelum meletakkan jawatannya bulan lalu.